



GARIS PANDUAN PERMOHONAN

PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

PROGRAM PERSEDIAAN INTENSIF BAHASA INGGERIS (*INTENSIVE ENGLISH PROGRAMME, IEP*) KEMASUKAN JULAI 2020

A. MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> mulai **13 Mac 2020 (Jumaat) jam 3.00 petang** hingga **30 April 2020 (Khamis) jam 11.59 malam**.
2. Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan yang ditetapkan.
3. Pemohon hanya boleh memohon program pengajian peringkat persediaan iaitu Program Intensif Bahasa Inggeris (*Intensive English Programme, IEP*) yang ditawarkan oleh pihak MARA seperti berikut:

BIL.	PROGRAM PERSEDIAAN DITAWARKAN	KPM
1.	Program Intensif Bahasa Inggeris (<i>Intensive English Programme, IEP</i>)	KPM Bandar Melaka, Melaka KPM Bandar Penawar, Johor

4. Sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pengajian.

B. SYARAT UMUM

1. Pemohon **DAN** salah seorang ibu **ATAU** bapa berstatus Bumiputera dan Warganegara Malaysia.
2. Pemohon berumur 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun.
3. Pemohon tidak menerima bantuan kewangan dan tajaan dari mana-mana badan penaja atau agensi untuk pengajian pada peringkat yang sama.
4. Pemohon perlu lulus pemeriksaan kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah.
5. Pemohon perlu bebas daripada masalah kesihatan mental dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah.
6. MARA mempertimbangkan pemohon berkeperluan khas dengan kemudahan yang terhad.

SYARAT KHUSUS

1. Memperolehi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).
2. Memenuhi SYARAT KELAYAKAN PROGRAM IEP seperti yang diiklankan; atau pemohon boleh layari PORTAL UPIM <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/>;

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Unit Pengambilan, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA,
Tingkat 12, Bangunan Ibu Pejabat MARA,
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-26134074 / 03-26134075 / 03-26134076 / 03-26134077 / 03-26134081
Emel : upim.bpt@mara.gov.my
Facebook : Hi-Edu MARA - Kolej Profesional MARA
Twitter : Hi Edu MARA
Telegram : Hi Edu MARA
Instagram : Hi Edu MARA
Portal UPIM : <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/>
WhatsApp : +6011-58521184
Muat turun aplikasi telefon pintar melalui aplikasi *Google Play Store*: Kolej Profesional MARA

WAKTU URUSAN		
HARI	Isnin hingga Khamis	Jumaat
MASA	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	9.00 pagi – 12.15 tengah hari
REHAT	1.00 tengah hari – 2.00 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang
MASA	2.00 petang – 4.30 petang	2.45 petang – 4.30 petang
TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		